

20 JUL 1996
Yong-Cabaran
PERDAMAIAN MANILA-MNLF BUKA CABARAN KEPADA SABAH

TAWAU, 20 Julai (Bernama) -- Perdamaian yang akan dijalankan antara Manila dengan Barisan Pembebasan Kebangsaan Moro (MNLF) di Filipina akan membuka banyak cabaran untuk Sabah, Ketua Menteri Datuk Yong Teck Lee berkata hari ini.

Keadaan ini akan membuka peluang kepada pelabur-pelabur Sabah yang lazimnya konservatif dan kurang berani untuk keluar membuka perniagaan di Selatan Filipina.

"Mereka perlu menyesuaikan diri untuk menjalankan perniagaan tanpa bergantung kepada tenaga kerja murah daripada kalangan pendatang tanpa izin ke negeri ini," kata beliau dalam ceramahnya di Konvensyen Belia anjuran Young Malaysian Movement di sini.

Yong berkata Sabah selama ini telah menyaksikan pergolakan di selatan Filipina dan mengambil sikap toleransi terhadap masalah yang timbul ekoran akibat kemasukan rakyat Filipina.

"Perdamaian yang akan dicapai di selatan Filipina adalah satu yang melegakan kepada Sabah kerana ini akan membuka peluang untuk mengurangkan faktor-faktor yang membawa rakyat Filipina dari kawasan itu ke Sabah sebagai pendatang ekonomi," katanya.

Baru-baru ini MNLF membuat keputusan menamatkan perjuangan bersenjata 24 tahun menuntut pemisahan untuk menyertai politik arus utama negara itu. Pemimpin MNLF, Nur Misuari akan menjadi calon kerajaan dalam satu pilihan raya September ini.

Yong berkata masanya telah tiba bagi rakyat Sabah menunjukkan yang mereka juga mempunyai semangat "Malaysia Boleh".

"Dan tolong jangan anggap ini hanya semata-mata slogan perjuangan. Ianya adalah satu semangat yang kita perlu semai dalam diri kerana ianya adalah satu unsur yang penting yang akan menentukan sama ada kita akan berjaya atau gagal di Abad ke 21," kata beliau.

Yong berkata rakyat Sabah mempunyai ruang dan tempat di bumi Malaysia dan seperti itu juga rakyat Filipino di selatan negara itu juga akan mendapat hak mereka ini melalui perjanjian perdamaian.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengetuai majoriti Melayu di negara ini untuk menerima aspirasi rakyat bukan Melayu manakala Presiden Fidel Ramos sekarang meminta majoriti Kristian menerima konsepnya untuk menubuhkan Majlis Selatan Filipina bagi Perdamaian dan Pembangunan.

"Semangat daripada kedua-dua contoh ini ialah keupayaan dan kesediaan untuk memberi keutamaan kepada kepentingan negara," kata beliau.--BERNAMA

OPP WAT MAI